



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“SELAMAT DENGAN SEPAKAT”

Tarikh Dibaca :

21 SAFAR 1442H/

9 OKTOBER 2020

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“SELAMAT DENGAN SEPAKAT”

9 Oktober 2020M/ 21 Safar 1442H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ ﴿ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفَشِّلُوا
وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ (٤٦)﴾ الأَنْفَال

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk “Selamat Dengan Sepakat”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Islam amat menekankan soal kesepaduan dan kesepakatan antara sesama manusia. Bahkan, Islam yang disyariatkan oleh Allah SWT ini juga menjamin kesejahteraan dan rahmat kepada seluruh alam. Islam telah menyatupadukan banyak pihak dengan sifat rahmat, keadilan dan kebenaran yang menjadi tunjang utamanya. Allah SWT memerintahkan kita untuk saling membantu dan bertolongan antara satu sama lain dalam perkara-perkara kebaikan sebagaimana firman-Nya:

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ صَلَّى جَلَّ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (٢)

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (**Surah ali Imran ayat 2**)

Allah SWT juga telah melarang keras manusia untuk bertelingkah dan berbantah-bantah. Sikap suka saling berbantah antara satu sama lain hanya akan melemahkan kesatuan dan kesepaduan. Firman Allah SWT yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud;

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi

segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.” (Surah al-Anfal ayat 46)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ketika kita masih lagi bertungkus-lumus memutuskan rantaian jangkitan Covid-19, sebahagian kita masih lagi sibuk bertelagah dan menuding jari mencari salah. Sedarlah bahawa masalah tidak akan selesai dengan kita menuding jari kepada pihak lain, bahkan ia hanya akan merumitkan lagi keadaan.

Sepatutnya, dalam keadaan sebegini kita perlu menepikan terlebih dahulu sebarang perbezaan. Tumpuan seharusnya diberikan kepada usaha memerangi jangkitan wabak penyakit dan kepatuhan kepada garis panduan dan S.O.P yang telah ditetapkan.

Keutamaan kita pada waktu ini juga ialah untuk memutuskan rantaian jangkitan, memulihkan ekonomi rakyat dan negara, serta menstabilkan semula negara. Namun, kerana wujudnya perasaan tamak, fanatik, dan rakusnya pada kuasa, menyebabkan sebahagian kita bertindak melulu tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.

Ingatlah bahawa Rasulullah SAW juga telah mengingatkan kepada kita supaya tidak memudaratkan orang lain, sama ada orang Islam mahupun orang kafir. Semua tindakan kita itu nanti akan dipertanggungjawabkan di hari akhirat kelak. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ ضَارَ ، ضَارَ اللَّهُ بِهِ ، وَمَنْ شَاقَ ، شَاقَ اللَّهُ عَلَيْهِ

Mathumnya: “Barangsiapa yang memudaratkan orang lain, maka Allah akan mendedahkan mudarat padanya. Barangsiapa yang menyusahkan orang lain, Allah boleh menyusahkan urusannya.” (**Hadis riwayat al-Tirmidzi**)

Justeru, atas dasar cinta dan kasih kerana Allah SWT, saya ingin menyeru saudara-saudaraku sekalian, marilah – tanpa mengira kedudukan kita – bersama-sama memerangi pandemik wabak Covid-19 dengan mematuhi S.O.P, dan garis panduan yang telah ditetapkan. Bersatu padulah kita dalam mendepani wabak dan musibah yang berlaku. Hentikanlah pertelingkahan dan perbalahan kerana saling menuding jari antara satu sama lain tidak akan menyelesaikan masalah. Para pemimpin juga harus menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakyat, begitu juga dengan rakyat sekalian agar terus memastikan pematuhan disiplin dan kawalan kendiri yang baik. Berilah kerjasama dengan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan kita dari memberikan mudarat kepada orang lain atau menyusahkan tugas pengamal kesihatan. Yakinlah kepada Allah, bahawa kita akan selamat dengan bersepakat. Insyah-Allah.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (٧٠) يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ
لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا (٧١)

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara). Supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.” (**Surah al-Ahzab ayat 70-71**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهْلِهِ وَاصْحَٰبِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَن لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكِتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَسِّيَّاهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مَلَكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا
سَرِيْ قَدوْكَ بِكَيْنِدَا يَعْ دَفْرَتوَانِ اَكْنُوْغُ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ المُصَطَّفَى
بِاللَّهِ شَاهِ اَبِنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدوْكَ بِكَيْنِدَا راجِ فِرْمَاسِورِيِّ اَكْنُوْغُ،
تُونِكُو (Tunku) حَاجِه عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّارَاهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمِئْنًا، سَخَاءَ رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمَانٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ۝

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذُمَ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ ۝

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۝

عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ (۰)

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ۝